

15 JAN 1997

Mahathir-anugerah

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH RAJA FAISAL KERANA KHIDMAT UNTUK ISLAM

Oleh: Salmy Hashim

LOS ANGELES, 15 Jan (Bernama) -- Saudi Arabia pada Selasa menganugerahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Hadiah Antarabangsa Raja Faisal kerana Perkhidmatan kepada Islam bagi tahun 1997 sebagai menghargai sumbangan luar biasa Perdana Menteri dalam menggalakkan nilai Islam sepanjang kepimpinannya sejak 16 tahun lepas.

Dr Mahathir yang berada di California untuk memperkenalkan Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada bakal pelabur Amerika berkata beliau terkejut setelah diberitahu menerusi telefon oleh Putera Bandar bin Saud bin Khaled Al-Saud, Setiausaha Agung Yayasan Raja Faisal, bahawa beliau adalah penerima anugerah itu.

"Saya terkejut, kerana ramai yang lebih layak, tetapi saya terima dengan perasaan besar hati kerana ini satu pengiktirafan terhadap pencapaian Malaysia dalam bidang agama Islam," katanya kepada wartawan Malaysia.

Dalam satu kenyataan dari Jeddah, Putera Bandar berkata Dr Mahathir adalah pemimpin Islam yang begitu dihormati kerana kebijaksanaan dan kesederhanaan yang ditunjukkannya sejak 16 tahun menjadi Perdana Menteri dan ini menjadi lambang Islam sebenarnya.

"Semua dasar beliau berjaya mengukuhkan persefahaman dan kerjasama antara umat Islam dan bukan Islam di Malaysia, yang membolehkan beliau memimpin negaranya ke arah pemodenan dan kemakmuran," kata putera itu dalam kenyataannya.

Yayasan itu juga berkata Dr Mahathir telah memainkan peranan penting dalam penubuhan beberapa institusi kebudayaan dan ekonomi Islam di Malaysia seperti Universiti Islam Antarabangsa, Pusat Islam, Bank Islam dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.

Putera Bandar memuji peranan utama Dr Mahathir dalam membantu menyelesaikan pertikaian di negara-negara Islam dan menyokong hak minoriti Islam

khususnya di Asia Tenggara, menerusi pelbagai pertubuhan Islam.

Dr Mahathir berkata hadiah itu jelas menunjukkan bahawa kerajaan Saudi mengiktiraf perjuangan UMNO untuk membangunkan umat Islam kerana Islam adalah agama yang memperseimbangkan dunia dan akhirat.

Mengenai tuduhan kononnya UMNO menyeleweng daripada ajaran agama Islam, beliau berkata: "Sekiranya kita seleweng sudah tentu kita tidak diiktiraf oleh negara Saudi -- tempat kita buat ibadat Haji -- tentu mereka lebih arif."

Dr Mahathir juga berkata kerajaan Malaysia akan menggunakan Internet untuk memperkuat nilai Islam dan untuk membetulkan kekeliruan terhadap agama Islam.

"Multimedia boleh dan perlu digunakan untuk menjelaskan Islam yang sebenar, menyangkal dakwaan tidak tepat terhadap agama Islam dan juga melawan ajaran sesat yang disalur melalui Internet," kata beliau.

Terdapat empat kategori penerima -- Perkhidmatan kepada Islam, Pengajian Islam, Sains dan Kesusasteraan Arab -- dan setakat ini 118 tokoh dari 32 negara telah menerima anugerah itu.

Setiap anugerah itu mengandungi sijil, pingat peringatan emas dan hadiah wang SR750,000 (RM500,000). --BERNAMA

SH MAI